

18/08/1998

Pengguna jalan raya perlu ubah sikap

KERUGIAN yang dianggarkan sehingga RM2 bilion dalam tempoh enam bulan tahun ini akibat kecelakaan maut di jalan raya amat sia-sia sekali dan tentunya boleh dielakkan. Lebih buruk lagi, kecelakaan itu menyebabkan 2,731 nyawa terkorban akibat kelalaian, kecuaiian ketika di jalan raya atau memandu tanpa perhitungan. Ia adalah angka yang begitu menggerunkan. Seandainya pola ini berterusan sehingga akhir tahun ini, kerugian yang akan ditanggung tentulah berlipat ganda. Begitu menyedihkan, kecelakaan di jalan raya terus berlaku meskipun kempen kesedaran dijalankan secara berterusan. Menjalankan kempen juga memerlukan kos yang tinggi. Begitu juga kos operasi yang dijalankan dari semasa ke semasa oleh polis trafik dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terutamanya menjelang dan selepas hari perayaan yang tentunya tidak termasuk dalam anggaran kecelakaan sebagaimana dikaji oleh Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa bagi Asia Pasifik (Escap). Escap mungkin membuat anggaran dari segi kehilangan nyawa, kerosakan fizikal, harta benda, kos perubatan, guaman dan insurans akibat kemalangan selain kerugian masa dan tenaga untuk menguruskan sesuatu kecelakaan. Terbukti, kecelakaan di jalan raya akan membabitkan kos secara langsung dan tidak langsung yang besar.

Nampaknya, moto dan slogan untuk mengingatkan rakyat supaya berhemah ketika di jalan raya, tidak begitu dihiraukan. Memanglah mustahil untuk menjadikan negara ini bebas sepenuhnya daripada kecelakaan jalan raya. Namun, ini bukan bermakna kadar kecelakaan tidak boleh dikurangkan. Pertambahan bilangan kenderaan akibat peningkatan taraf hidup masyarakat, tidak boleh dijadikan alasan punca kadar kemalangan meningkat. Sistem jalan raya dan lebuhraya juga tidak seharusnya dipersalahkan kerana matlamat pembinaannya untuk memberi keselesaan kepada pengguna. Jalan raya dan lebuhraya adalah saluran untuk menggerakkan aktiviti ekonomi, bukan tempat untuk berlumpat dan menunjuk-nunjuk kecekapan memandu. Pengguna jalan rayalah seharusnya memanfaatkannya, bukan memudaratkan diri dan orang lain.

Daripada kes kemalangan yang dilaporkan hampir setiap hari, ternyata kemudahan jalan raya dan lebuhraya disalahgunakan. Ia dijadikan tempat untuk memburu masa. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan kekesalannya kerana pengguna sendiri yang mencari padah ketika menggunakan jalan raya. Kelalaian pemandu turut menyebabkan mangsa yang tidak bersalah menjadi korban. Kes kecelakaan maut membabitkan empat pemotong rumput yang dilanggar sebuah kereta ketika memulakan tugas di Km 300 Lebuhraya Utara-Selatan dekat Gua Tempurung, Kampar Perak, 9 Ogos lalu, umpamanya, menunjukkan betapa kawasan lebuhraya sudah menjadi kawasan yang tidak selamat, jika masih ada pengguna yang meletakkan undang-undang di tangan sendiri. Ia menjadi tidak selamat bukan saja kepada penunggang atau pembonceng motosikal dan pejalan kaki, malah kepada sesiapa saja di kawasan sekitarnya. Keadaan seperti ini tidak seharusnya terjadi.

Seandainya mangsa sesuatu kemalangan adalah profesional yang berpotensi, terutama mereka yang masih muda, ia boleh dianggap kerugian besar kepada negara. Bagi golongan seperti ini, tentulah sudah banyak wang dilaburkan oleh keluarga dan negara untuk menjadikan mereka sebagai warga yang berjaya. Tidak dapat dipastikan sama ada kerugian kos seperti ini turut diambil kira ketika Escap membuat anggaran kerugian. Kecelakaan boleh melenyapkan potensi seseorang, hanya dengan sekelip mata.

Perlu diakui sebahagian besar kecelakaan jalan raya berpunca daripada sikap pengguna. Jika sikap buruk ketika memandu di jalan raya dapat dikikis, jalan raya pasti akan menjadi tempat yang selamat untuk sesiapa juga. Dalam keadaan kegawatan ekonomi hari ini, RM2 bilion adalah satu jumlah yang besar untuk dibuang dalam tempoh enam bulan. Secara perbandingan, lebih baik wang itu digunakan untuk membantu masyarakat miskin di luar bandar. Malah, ia boleh menggerakkan semula ekonomi negara.

Setiap pengguna seharusnya sedar betapa kecelakaan di jalan raya tidak membawa sebarang keuntungan kepada sesiapa. Ia adalah tragedi. Oleh itu, setiap orang perlu mengelakkan diri daripada menghadapi bahaya yang hari ini boleh dianggap sentiasa berada di depan mata. Ia boleh dilakukan sekiranya setiap pengguna menghargai nyawa masing-masing. Kematian akan menyebabkan mereka meninggalkan sebuah keluarga yang sentiasa menangi pemergian mereka yang sia-sia itu.

(END)